

FALSAFAH PENGAGIHAN ZAKAT MENURUT ISLAM

Mahadi bin Mohammad
mahadimohammad@unisza.edu.my

Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin
wanfirdaus@unisza.edu.my

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak,
Terengganu.

Syariat Islam mempunyai falsafah yang tersendiri dalam setiap hukum yang disyariatkan termasuk zakat. Zakat yang merupakan satu mekanisma pengagihan harta dan keseimbangan sosial yang disyariatkan oleh Ilahi didasari oleh falsafah dan maqasid. Kertas kerja ini cuba melihat falsafah zakat pada satu elemen penting dalam urus tadbir zakat iaitu pengagihan zakat. Kertas kerja ini menggunakan kaedah perpustakaan berdasarkan sumber primer (al-Quran dan al-Hadis) dan sekunder (kitab-kitab ulamak) bagi mengenal pasti maqasid hukum. Perkara ini dikenalpasti melalui pembahagian asnaf dan kadar zakat yang diperuntukkan bagi setiap asnaf. Melalui himpunan hukum dan objektif yang tersirat, kertas kerja ini menonjolkan falsafah keadilan yang menjadi tunjang bagi pengagihan zakat dan konsep-konsep yang menyokong falsafah ini. Antara konsep-konsep tersebut ialah *Istikhlaf* dan Takaful. Kertas kerja ini juga melihat skop ijtihad dalam agihan zakat berdasarkan hajat dan keanjalan dari asnaf, kadar dan bentuk agihan, Hasil kajian ini mampu menjadi panduan kepada pusat-pusat zakat bagi mencapai tahap efisyensi dalam agihan zakat.

Kata Kunci: Zakat, Asnaf, Agihan Zakat, Falsafah Agihan Zakat, Keadilan Agihan, *Istikhlaf*.

PENGENALAN

Zakat merupakan satu daripada lima rukun yang telah ditetapkan dalam Islam. Kewajipan menunaikannya adalah satu keperluan dalam menyempurnakan tanggungjawab seorang individu muslim. Dalam menyempurnakan ibadah zakat, Islam tidak hanya mementingkan pembayaran zakat, bahkan menyeru kepada pengagihan zakat yang berlandaskan syarak.

Zakat daripada sudut etimologi merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Perkataan zakat ini merupakan kata dasar (*masdar*) daripada perkataan '*zakka*' yang bermaksud berkat, tumbuh, bersih dan baik (al-Mu'jam al-Wasit, 2004: 1/398).

Menurut syarak, zakat seperti yang didefinisikan oleh para fuqaha bermaksud hak yang wajib terhadap harta tertentu dengan syarat-syarat dan kaedah-kaedah tertentu (al-Nawawi, t.t: 7/295). Al-Qaradawi (2006: 1/37-38) pula mendefinisikan zakat sebagai satu bahagian tertentu daripada harta yang wajib dikeluarkan kepada golongan yang berhak.

Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا... (١٠٣)

Maksudnya: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka.

(al-Taubah, 9: 103)

Zakat merupakan satu ibadah yang bukan hanya dilihat daripada pengeluaran harta secara zat, bahkan melibatkan pembersihan hati dan juga harta yang diperoleh. Perkara ini difahami daripada gabungan definisi bahasa dan syarak. Al-Qaradawi (2006: 848) menjelaskan antara hikmah dan tujuan

pensyariaan zakat ialah untuk membersihkan jiwa manusia daripada sifat-sifat yang buruk terutama sifat kikir dan bakhil.

Selain itu, zakat merupakan satu ibadah yang sangat diutamakan dalam Islam. Ini kerana zakat tidak hanya berkait dengan hubungan individu muslim dan pencipta iaitu Allah SWT, bahkan melibatkan hubungannya bersama masyarakat. Walau bagaimanapun, kewajipan menunaikan dan menyempurnakan zakat tidak semata-mata daripada aspek pembayaran, tetapi turut melibatkan aspek pengagihan zakat.

ASNAF ZAKAT

Perlaksanaan zakat tidak berhenti dengan pembayarannya sahaja, bahkan berterusan sehingga selesai diagihkan kepada golongan-golongan yang berhak. Al-Quran telah merakamkan golongan yang berhak menerima zakat berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah :

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَىٰ فَلُوهُمُومٌ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang sedemikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Taubah 9:60)

Ayat di atas menyenaraikan lapan golongan yang berhak mendapat agihan zakat dalam Islam. Para ulama telah mendefinisikan setiap asnaf tersebut dengan pelbagai definisi. Walaupun berlaku perbezaan dalam perincian takrif setiap asnaf, namun secara ringkasnya definisi setiap asnaf tersebut adalah seperti berikut (MAIK, 2007 dan Sanep Ahmad, 2009: 64-65):

1. Fakir – Individu muslim yang tidak mempunyai pekerjaan atau mendapat sumber pendapatan tidak mencapai 50% daripada had kifayah (keperluan) harian individu tersebut dan keperluan tanggungannya.
2. Miskin - Individu muslim yang mempunyai pekerjaan dan mendapat sumber pendapatan yang hanya memenuhi separuh daripada had kifayah (keperluan) harian individu tersebut dan keperluan tanggungannya.
3. Amil - Individu atau organisasi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
4. Muallaf - Individu yang dijinakkan hatinya dengan Islam atau mempunyai kecenderungan hati untuk menerima Islam. Muallaf terbahagi kepada empat:-
 - a. Individu yang baru memeluk agama Islam
 - b. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang mempunyai hubungan yang baik dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam.
 - c. Ketua-ketua kaum yang memeluk Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang dibawah pimpinannya.
 - d. Individu yang memeluk agama Islam dan tinggal sempadan berhampiran dengan negara musuh
5. *Al-Riqab* (Hamba) – Individu yang dimerdekan daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada fizikal atau mental. Oleh kerana sistem perhambaan telah dihapuskan, maka definisi ini diluaskan termasuklah pembebasan daripada kejahilan, politik, ekonomi dan sebagainya.

6. *Al-Gharimin* (Orang yang Berhutang) – Individu yang berhutang untuk faedah awam seperti menyelesaikan persengketaan mahupun individu yang berhutang untuk faedah peribadi seperti ingin memenuhi keperluan peribadi sekiranya tidak memiliki harta dengan kadar yang mencukupi (had al-kifayah).
7. *Fisabilillah* (Berjuang Pada Jalan Allah) – Individu yang melibatkan diri dalam aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwah agama Islam.
8. *Ibnussabil* (Musafir Terkandas) – Individu yang bermusafir yang harus dan terputus bekalan kewangan atau memerlukan bantuan.

Jika diperhatikan, al-Quran menyebut secara terperinci asnaf-asnaf yang layak menerima zakat namun tidak memperincikan jenis harta yang perlu dizakatkan. Jenis harta yang dikenakan zakat hanya datang dalam hadith Rasulullah SAW. Hal ini menunjukkan bahawa isu yang penting dalam ibadah zakat ialah pengagihannya kepada asnaf-asnaf. Perkara ini diutamakan oleh Allah SWT kerana berkemungkinan berlaku penyelewengan dan dorongan hawa nafsu dalam proses pengagihan zakat (M. Zuhdi, 2003). Oleh itu, urusan agihan zakat perlu mengikut landasan syarak sebagai satu jaminan sosial dalam Islam bagi mengatasi pelbagai masalah kehidupan dan kemiskinan (al-Qaradawi, 2006).

FALSAFAH AGIHAN ZAKAT

Falsafah ditakrifkan sebagai pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar kepada ilmu lain (K. Dewan, 2007). Sidi Gazalba (1974) pula mendefinisikan falsafah sebagai mencari kebenaran tentang sesuatu permasalahan dengan berfikir secara radikal, sistematis dan sejagat.

Falsafah yang menunjangi konsep agihan zakat dalam Islam ialah keadilan. Keadilan ialah satu nilai universal yang merangkumi setiap urusan dan hal ehwal kehidupan manusia. Al-Zuhaili (2006)

mentakrifkan adil sebagai memberikan sesuatu hak kepada pemiliknya (إِغْطَاءُ كُلِّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ). Berdasarkan pengertian tersebut, keadilan dalam asnaf zakat merujuk kepada pembahagian hak-hak zakat kepada asnaf dan penerima yang layak. Ini merujuk kepada satu konsep ekonomi iaitu pengagihan kekayaan secara adil dan saksama (عَدَالَةُ التَّوْزِيعِ).

Pengagihan kekayaan dalam Islam terbina di atas asas menghormati hak individu yang bertujuan memenuhi keperluan dan hajat mereka, dengan cara yang menjaga prinsip kemanusiaan (al-Solahin, 2007: 320). Menurut al-Solahin (2007:331) lagi, berdasarkan teori ekonomi, pengagihan kekayaan berlaku dalam dua bentuk: pemilikan (التَّوْزِيعُ الشَّخْصِيّ) dan pekerjaan (التَّوْزِيعُ الوَظِيفِيّ). Namun Islam mengiktiraf pengagihan ketiga iaitu agihan semula (إِعَادَةُ التَّوْزِيعِ) sebagai agihan kepada golongan lain yang terdiri dari kalangan fakir miskin dan golongan yang memerlukan. Agihan ini amat ditekankan oleh syarak sehingga sebahagiannya mencapai tahap wajib seperti zakat.

Keadilan dalam pengagihan kekayaan menurut Islam adalah didasari oleh akidah dan keimanan kepada Allah SWT. Segala harta yang dimiliki oleh manusia sebenarnya adalah milik mutlak Allah SWT. Manusia hanya diberi amanah untuk menguruskannya sebagai khalifah Allah di muka bumi. Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً... ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.

(al-Baqarah, 2: 30)

Ibn ‘Asyur (1984: 399) menyatakan bahawa khalifah dalam ayat tersebut bermaksud orang yang menggantikan pemilik sesuatu dalam menguruskan pemilikannya. Oleh itu pemilikan sebenar bagi harta yang ada di dunia ini ialah hanya bagi Allah. Pemahaman ini dikenali sebagai konsep *Istikhlaf* dan disebut secara jelas dalam konteks infaq dan zakat dalam firman Allah:

﴿٧﴾ ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ ؕ وَانْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَخْلِفِيْنَ فِيْهِ ؕ فَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ وَاَنْفَقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ

Maksudnya: Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah sebahagian dari harta benda yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu); mereka tetap beroleh pahala yang besar

(al-Hadid, 57:7)

Nilai keimanan kepada Allah juga menyedarkan bahawa terdapat hak orang lain dalam harta yang dimiliki oleh individu. Menurut Islam, individu mempunyai hak untuk mencari kekayaan bagi dirinya. Namun dalam kekayaan yang diusahakannya terdapat hak masyarakat dan individu selainnya. Oleh itu, setiap individu dalam masyarakat mempunyai peranan terhadap komuniti masyarakat sekeliling berdasarkan konsep takaful. Konsep takaful ini boleh dianggap sebagai tanggungjawab sosial individu kepada golongan tidak berkemampuan (al-Sabhany, 2001).

Firman Allah SWT:

﴿١٩﴾ وَفِيْ اَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلْسَّائِلِ وَالْمَحْرُوْمِ

Maksudnya: Dan pada harta-harta mereka, ada hak untuk orang miskin yang meminta dan yang tidak meminta.

(al-Zariyat, 51: 19)

Firman Allah SWT lagi:

﴿٢٤﴾ لِّلْسَّائِلِ وَالْمَحْرُوْمِ ﴿٢٥﴾ وَالَّذِيْنَ فِيْ اَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُوْمٌ

Maksudnya: Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

(al-Ma'arih, 70: 24-25)

Berdasarkan konsep keimanan ini, Islam telah mensyariatkan hukum-hukum berkaitan dengan muamalat dan tatacara *maal* (harta) sebagai panduan hidup manusia. Pensiaryatan zakat merupakan satu manifestasi yang jelas tentang konsep ini yang dapat dilihat melalui agihan zakat kepada asnaf.

Antara matlamat dan tujuan akhir dalam sistem ekonomi ialah mencapai tahap keadilan dalam pembahagian harta kekayaan (al-Sabhany, 2001). Ini juga menjadi satu objektif dalam pensiaryatan hukum berkaitan harta berpandukan firman Allah SWT:

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَالرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya dari harta penduduk negeri dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan Rasulullah, dan bagi kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin serta orang musafir. **Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya dari kalangan kamu.** Apa jua yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah ia, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya.

(al-Hasyr, 59: 7)

Walaupun ayat tersebut diturunkan khusus menceritakan tentang *Fai'* iaitu harta rampasan yang diperolehi tanpa berlaku berperangan (al-Jurjani, 1985), namun para ahli tafsir menyatakan bahawa *Ibrah* dan pengajaran ayat boleh diambil dari keumuman ayat, bukan khusus kepada sebab turunnya ayat tersebut (M. Qattan, 2000). Maka dapat difaham bahawa matlamat yang ingin dicapai oleh syarak dalam hukum berkaitan pembahagian harta termasuklah zakat, ialah pengagihan yang adil dan tidak tertumpu kepada golongan tertentu.

Dalam kaedah pembahagian zakat, Islam telah menentukan golongan-golongan penerima zakat yang dikenali sebagai asnaf. Asnaf-asnaf zakat bersifat statik (*thabat*) menjadikan pengagihan zakat hanya kepada lapan golongan yang telah disebut dalam surah al-Taubat ayat 60. Perkara ini adalah ijmak dan telah disepakati oleh para ulamak (al-Razi, 2001: 16/205).

SIGNIFIKAN PEMBAHAGIAN ANSAF KEPADA LAPAN

Jika diteliti kelapan-lapan asnaf zakat, didapati bahawa mereka boleh dikategorikan kepada dua golongan.

Pertama : golongan yang berhak mendapat zakat atas dasar memenuhi keperluan dan hajat mereka. Mereka ini terdiri daripada golongan *al-fuqara'*, *al-masakin*, *al-riqab*, *al-gharimin*, dan *ibn sabil*. Golongan ini berhak mendapat zakat bagi memenuhi keperluan hidup mereka seperti fakir dan miskin, melunaskan hajat seperti memerdekakan diri dari perhambaan dan hutang atau dalam situasi terputus perjalanan bagi *ibn sabil*.

Kedua : golongan yang berhak mendapat zakat atas asas kepentingan yang ada pada pihak mereka iaitu asnaf *amil*, *muallaf* dan *fi sabilillah*. *Amil* diperlukan bagi melancarkan pengurusan zakat. *Muallaf* diperlukan bagi menarik lebih ramai orang untuk memeluk Islam atau sebagai sokongan kewangan. Manakala pejuang yang berjihad *fi sabilillah* diperlukan untuk menegakkan Islam dan menyebarkan dakwah (al-Ansari, t.t: 393-399).

Daripada pembahagian di atas, boleh disimpulkan bahawa asas penentuan asnaf zakat ialah hajat dan keperluan. Hajat dan keperluan ini sama ada pada pihak individu penerima seperti asnaf golongan pertama, atau pada pihak ummah dan pemerintah seperti asnaf golongan kedua. Keseimbangan

pembahagian hak antara individu dan masyarakat adalah rahsia keunggulan sistem zakat yang masih kekal relevan pada hari ini dan masa-masa mendatang.

KEANJALAN AGIHAN ZAKAT

Syariat Islam mampu kekal unggul menongkah arus perubahan zaman dan budaya kerana ciri dwisifatnya: *thabat* (statik) dan *murunah* (anjal). Usul dan keadah asas yang terdapat dalam syariat adalah bersifat *thabat* yang tidak akan berubah sama sekali. Manakala hukum dan fatwa yang berkaitan dengan masa dan suasana adalah bersifat *murunah* yang boleh berubah bergantung kepada faktor-faktor tertentu.

Dalam isu pengagihan zakat, kemajuan ekonomi, tamadun dan sosial masyarakat memerlukan kepada ijtihad bagi mengeluarkan hukum yang seiring dengan perkembangan masa. Ijtihad ini perlu berlandaskan metod pengeluaran hukum (*istinbath*) yang telah dimajukan oleh para fuqaha' bagi memastikan hukum tersebut tidak terpesong daripada suluan al-Quran dan al-Sunnah. Istilah seperti inovasi dan transformasi asnaf banyak dicanang oleh para sarjana Islam kontemporari bagi memajukan institusi zakat dan masyarakat Islam. Perkara ini perlu dilihat secara holistik berdasarkan epistemologi Islam, kaedah usul fiqh dan maqasid syariah bagi mengelakkan ketirisan dan pengaliran zakat kepada golongan yang tidak berhak.

Pada asasnya, Islam tidak menetapkan secara terperinci definasi setiap asnaf dan kadar yang sepatutnya diperoleh oleh mereka. Namun para fuqaha' dalam kitab-kitab mereka telah mendefinisikan setiap asnaf dengan terperinci bersama syarat-syaratnya. Ini merupakan lapangan yang dibenarkan oleh syarak untuk berijtihad kerana ketiadaan nas yang jelas. Berbeza dengan penentuan asnaf kepada lapan golongan kerana perkara ini telah terdapat nas yang khusus tentangnya. Perkara ini berdasarkan kaedah:

لَا اجْتِهَادَ فِي مَعْرِضِ النَّصِّ

Tiada ijihad pada perkara yang terdapat nas padanya (Zaidan, 2012).

Oleh itu, didapati para ulamak hanya menumpukan ijihad mereka pada takrif setiap asnaf dan kadar yang berhak diterima oleh mereka.

Terdapat tiga perspektif dalam perbincangan keanjalan agihan zakat. Perspektif tersebut ialah keanjalan asnaf, keanjalan bentuk agihan dan keanjalan kadar agihan zakat.

1. Keanjalan Asnaf

Penelitian kepada tulisan ilmuan Islam terdahulu mendapati bahawa telah berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan mereka pada menentukan maksud daripada setiap asnaf zakat. Sebagai contoh, telah berlaku khilaf pada asnaf *fi sabilillah* antara pandangan yang cenderung kepada meluaskan makna *sabilillah* atau menghadkan maknanya. Mereka juga berkhilaf tentang sejauh mana definisi *fi sabilillah* boleh diluaskan.

Para ulamak sepakat bahawa asnaf *fi sabilillah* merujuk kepada orang yang berperang dan jihad di jalan Allah. Mereka kemudiannya bercanggah pendapat sama ada asnaf ini boleh diluaskan dan dikembangkan maksudnya. Maka terdapat pandangan yang membenarkan pemberian zakat kepada ulamak, guru agama, penuntut ilmu, masalah umum dan pelaksanaan ibadah haji sebagai asnaf *fi sabilillah*. Pendapat yang paling terbuka mengatakan asnaf *fi sabilillah* merangkumi seluruh amal kebajikan (Mahadi, 2011).

Jika dilihat kepada isu perbezaan asnaf dalam pusat zakat di Malaysia, asnaf *al-riqab* (hamba) telah berlaku pelbagai penafsiran. Johor sebagai contohnya, hanya membahagikan zakat kepada tujuh asnaf sahaja tanpa memasukkan asnaf *al-riqab* kerana hamba tidak lagi wujud pada masa kini. Di Melaka, walaupun asnaf *al-riqab* disebut sebagai salah satu asnaf yang berhak mendapat zakat, namun dalam tahun 2006 dan 2007, tiada agihan dibuat untuk asnaf ini kerana tafsirannya sudah tidak sesuai. Begitu juga di Pulau Pinang, tiada agihan dapat dilakukan kepada asnaf *al-riqab* kerana penafsiran yang dibuat dalam Muzakarah Penetapan dan Pengesahan Hukum dan Dasar Agihan MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) membataskannya kepada membebaskan hamba sahaja. Walau bagaimanapun, di negeri-negeri yang mana menggunakan tafsiran kontemporari, bahagian asnaf *al-riqab* masih lagi boleh diagihkan kepada jenis-jenis perhambaan yang baru termasuklah golongan yang bergelut untuk membebaskan diri daripada belenggu kejahilan dan maksiat (E.M. Tajuddin 2011).

2. Keanjalan bentuk agihan

Dari aspek bentuk agihan, pada asal zakat diserahkan kepada penerima dalam bentuk matawang (zakat wang simpanan, perniagaan, emas dan perak), makanan asasi (zakat tanaman dan zakat fitrah) atau haiwan ternakan (zakat haiwan ternakan). Namun sesetengah barangan seperti haiwan dan tanaman sukar untuk diserahkan dan diagih kepada penerima. Oleh itu, pendapat mazhab Hanafi yang mengharuskan membayar nilai barangan dalam bentuk matawang memudahkan umat Islam dalam proses pembayaran dan pengagihan zakat. Pandangan ini yang dipilih oleh al-Qaradhawi (2006: 2/810-819) dan dipakai oleh pusat-pusat zakat di Malaysia.

Isu yang mungkin menjadi persoalan ialah: bolehkan zakat diagihkan kepada penerima dalam bentuk selain matawang seperti barang keperluan harian, barang kelengkapan persekolahan atau dalam bentuk pinjaman dan kredit mikro? Kebanyakan isu ini telah dibincangkan oleh ulamak kontemporari dengan hasil keputusan yang menunjukkan berlaku khilaf antara mereka pada keharusannya (Ibn Baz, 1999).

Kertas ini tidak membincangkan khilaf tersebut dan pendapat yang paling kuat, tetapi sekadar melihat asas dan falsafah yang mendasari dan mengikat ijtihad tersebut.

Sebarang ijtihad dan keputusan yang dibuat perlu berlandaskan kefahaman kepada falsafah dan maqasid pensyariatkan hukum. Matlamat agihan zakat pada jangka masa pendek ialah memenuhi hajat keperluan asnaf dan pada jangka masa panjang mengeluarkan asnaf daripada penerima kepada pembayar zakat (al-Qaradawi, 2006: 2/575). Oleh itu zakat yang diterima haruslah dalam bentuk yang mampu mencapai hasrat ini. Pada asalnya matawang adalah bentuk bayaran zakat kerana mempunyai sifat kecairan penuh yang mampu ditukar dengan mudah dan mendapat penerimaan umum. Penerima zakat mampu menguruskan dan menukar wang zakatnya kepada tujuan dan hajat keperluannya dengan mudah.

Namun, jika manfaat yang diperolehi daripada zakat dalam bentuk matawang kurang dan tidak mencapai matlamat zakat, maka zakat mungkin boleh diagihkan dalam bentuk yang lebih bermanfaat seperti mesin, peralatan dan kenderaan. Sebahagian pusat zakat juga memberi zakat dalam bentuk kredit mikro bagi membantu pengusaha dan peniaga bagi menjalankan perniagaan mereka. Biasanya pinjaman ini tidak bersifat wajib bayar, dan peminjam tidak dibebankan dengan hutang tersebut jika tidak berkemampuan untuk melunaskannya. Pinjaman ini bukan sahaja dapat membantu penerima zakat, bahkan menjamin aliran masuk zakat kepada pusat zakat bagi mengagihkan kepada asnaf yang lebih memerlukan (A.C. Yaakob, Razali, Roslim, Basaruddin & Safiah, 2011: 7-9).

Oleh itu asas penetapan hukum mesti berdasarkan maslahat dan keperluan asnaf, bukannya keperluan dan kepentingan pusat zakat. Pertimbangan maslahat ini perlu dilakukan oleh cendekiawan Islam dan ekonomi bagi mengemukakan resolusi terbaik kepada pemerintah. Ini sesuai dengan kaedah fiqh:

تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Tindakan pemerintah ke atas rakyat mestilah berdasarkan maslahat (al-Suyuthi, 1983)

3. Keanjalan Kadar Agihan

Nas syarak hanya menetapkan bilangan asnaf yang layak menerima zakat, dan tidak menentukan kadar yang berhak diterima oleh setiap asnaf. Secara mudahnya boleh dikatakan penentuan ini membawa erti secara tidak langsungnya bahawa zakat dibahagikan kepada setiap asnaf secara sama. Hukum ini difahami daripada penggunaan huruf laam (ل) pada asnaf dalam surah al-Taubah ayat 60.

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ

Pandangan ini merupakan pendapat Mazhab Syafi'i. Manakala Mazhab Hanafi dan Maliki tidak mewajibkan pembahagian zakat kepada semua lapan asnaf, dan memadai diberi kepada sebahagian asnaf apatah lagi yang lebih memerlukan (al-Qaradawi, 2006: 2/698).

Berdasarkan penghujahan yang berlaku antara dua aliran pandangan dalam masalah ini, didapati bahawa perlu ada pemberat yang mampu mentarjihkan antara pandangan tersebut. Di sini pentingnya merujuk kepada falsafah dan tujuan pengagihan zakat. Sewajarnya kadar yang diagihkan kepada asnaf mampu mencapai maqasid zakat secara terus atau secara beransur-ansur.

Sebagai contoh, para ulamak berbeza pendapat tentang kadar yang berhak diberi kepada golongan fakir miskin. Pandangan mereka berkisar antara memberi kadar keperluan tahunan atau keperluan sepanjang hidup. Pemberian ini juga boleh diberi dalam bentuk modal dan peralatan bagi asnaf yang mampu menjana ekonomi mereka yang dikenali sebagai zakat produktif. Bantuan secara berkala boleh


diberi kepada asnaf yang tidak mampu melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi seperti fakir miskin dari kalangan warga emas dan OKU (al-Qaradawi, 2006: 2/575-590).

Manakala dalam isu asnaf amil, keempat-empat mazhab bersepakat bahawa kadar bayaran yang diterima oleh amil adalah upah bagi kerjanya. Oleh itu, bahagian amil didahulukan pada pembahagian zakat daripada asnaf-asnaf yang lain. Al-Qurtubi dan al-Nawawi telah menegaskan terdapat persepakatan ulama fiqh pada masalah ini (al-Qurtubi, t.t: 1/495 & al-Nawawi, 2007: 7/231). Maka maqasid dan tujuan zakat diberikan kepada asnaf amil ialah sebagai timbal balas usaha dan bayaran kerja yang diberikan oleh amil kepada institusi zakat. Oleh itu, bayaran tersebut tidak terikat dengan 1/8, 1/16 atau nisbah tertentu daripada jumlah zakat yang diperolehi. Bayaran itu mesti setimpal dan layak dengan kerja yang dilakukan oleh amil (W.M.K. Firdaus dan Mahadi, 2011).

Ini merupakan contoh bagaimana pentakrifan asnaf boleh berinovasi dan berkembang. Keseimbangan antara nas dan inovasi perlu diurus tadbir dan dipantau agar tidak terjejas oleh tindakan manusia yang mengeksploitasi dan mentransformasi asnaf zakat sehingga membawa kepada kezaliman dalam agihan. Oleh itu langkah transformasi dan inovasi yang dilakukan perlu berdasarkan prinsip dan falsafah pembahagian zakat iaitu keadilan agihan yang memenuhi hajat asnaf secara efektif.

Rumusan kepada perbincangan di atas boleh diringkaskan dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Kerangka Falsafah Agihan Zakat



KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, terdapat beberapa kesimpulan:

1. Zakat merupakan satu mekanisme pengagihan kekayaan yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas umat Islam yang tertentu untuk menjamin keseimbangan sosial masyarakat.
2. Agihan zakat merupakan elemen terpenting dalam pengurusan dan pelaksanaan zakat sehingga Allah SWT menyebut secara terperinci asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat.
3. Keadilan dalam agihan merupakan falsafah yang menjamin keefisyenan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang berhak.
4. Skop ijtihad yang dibenarkan dalam agihan zakat ialah pada aspek keadilan asnaf, bentuk dan kadar agihan. Namun, ijtihad tersebut hendaklah selari dengan falsafah agihan zakat iaitu keadilan dan tidak terkeluar daripada maqasid pensyariaan ibadah zakat.

RUJUKAN

- 'Abd al-Karim Zaidan (2012). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Ahmad Che Yaacob, Razali Daud, Roslim Mohamad, Basaruddin Shah Basri, Safiah Mohamed (2011) *Model Transformasi Agihan Zakat*. Kertas Kerja yang dibentangkan di The World Universities 1st Zakat Conference (IKAZ) 2011 PWTC, Kuala Lumpur pada 22-24 November 2011.
- Al-Ansari, Zakaria. (t. th.) *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*. Beirut: Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Jurjani. (1985). *al-Ta'rifat*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Mu'jam al-Wasit (2004) Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. (2007). *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, Beirut :Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jld. 7.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (2006). *Fiqh Zakat*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad Ibn Rusyd. (t. th). *Bidayah Mujtahid*, Kaherah :Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al-Sabhany (2001). The Justice of Distribution and Economic Efficiency in Secular Systems and Islam: A Comparative Perspective. *Journal of Shari'a and Law*, al-Ain: UAE University. Bil 14.
- Al-Solahin, 'Abd al-Majid. (2007). *Al-Adalah al-Tawzi'iyyahfi Nizam al-Mali al-Islami*. Majallah al-Syariah wa al-Qanun. Al-'Ain: UAE University. Bil. 31, Julai 2007.
- Al-Suyuthi, Jalal al-Din (1983). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2006). *Qadaya al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'asir*. Beirut: Dar al-Fikr

- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali (2011). *Ke Arah Penyeragaman Undang-Undang Dan Peraturan Berkaitan Zakat Di Malaysia*. Kertas Kerja yang dibentangkan di The World Universities 1st Zakat Conference (IKAZ) 2011 PWTC, Kuala Lumpur pada 22-24 November 2011.
- Ibn Baz, 'Abd al-'Aziz (1420H) *Majmu' Fatawa wa Maqalat Mutanawwi'ah*. Riyadh: Dar al-Qasim li al-Nasyr.
- Kamus Dewan (2007) Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahadi Mohammad (2011) *Masraf Fi Sabilillah: Dirasah Muqaranah wa al-Suwar al-Mu'asirah Lahu*. Kertas kerja yang dibentangkan di The World Universities 1st Zakat Conference (IKAZ) 2011 PWTC, Kuala Lumpur pada 22-24 November 2011.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana' Qattan (2000) *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Sanep Ahmad. (2009). *Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat*. Prosiding PERKEM IV. Bangi: Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM. jld 2.
- Sidi Gazalba. (1974). *Sistematika Filsafat: Pengantar Kepada Dunia Filsafat, Teori Pengetahuan, Metafika, Teori Nilai*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad
- Wan Mohd Khairul Firdaus & Mahadi Mohammad (2011) *Kadar Agihan Zakat Amil Berdasarkan Mazhab Empat dan Maqasid Syariah*. Kertas kerja yang dibentangkan di The World Universities 1st Zakat Conference (IKAZ) 2011 PWTC, Kuala Lumpur pada 22-24 November 2011.